

## SKYRIDDER PEMBUANG LANGIT

Masih membelek keratan akhbar *Skyrider* yang tersisip kemas di dalam fail. Pelbagai artikel kejayaan, dan kesedaran disiarkan akhbar. Tahun berganti, Langit maju setapak dengan percubaan ke-2. Iltizam lebih tinggi untuk membuktikan inovasi baharu mampu ke peringkat kebangsaan. Kudis dahulu yang menyakikan mata dengan dawai berkarat dan cebisan sampah di tiang lantera, jadi cetuskan inspirasi inovasi baharu. Kisah pembuang "Langit".

*Sky-rid-der* pula idea untuk membuang sisa sampah yang menyakikan mata dari memandangi langit nan indah. Musuh masih sama, inovasi ini tidak memerlukan tangga bagi mencapai sisa dawai yang tergantung tinggi pada tiang. Masa kerja membuang dawai yang kebiasaannya ditinggalkan selepas gegantungan diturunkan, amat singkat dengan menggunakan *Skyrider*. Dawai terbiar ini tinggal berkarat, akan mencemarkan pemandangan dan persekitaran yang dapat dilihat tergantung di tiang jalanan. Bak luka sudah sembuh, parut masih tertinggal.

Inovasi ini unik dengan menggunakan tiang lampu itu sendiri sebagai daya penahan, membolehkan *Skyrider* berfungsi memotong dawai berbanding kaedah sedia ada seperti wayar dan takal. Lanya juga dapat memudahkan kerja komuniti untuk membuang lambakan iklan haram yang banyak tergantung tinggi pada tiang lampu, yang terkadang tidak disedari oleh mereka sehingga kami datang sendiri untuk memberi kesedaran dan berkongsi alat ini. Inilah konsep berilmu, berbakti yang diterapkan dan dapat membantu rakan komuniti.

Langit tampil lagi di pertandingan peringkat universiti awam di Melaka. Kali ini, kata implusif, kognitif, induktif, pragmatis, dan eksplisit yang sukar difahami oleh penonton digunakan dalam pembentangan.

Tatkala hari persembahan di Dewan UTEM Kian hampir, Lin, pembentang Langit diuji kesakitan sehingga terpaksa digantikan pembentang baharu, Zam. Dalam berduka, masa tidak bertangguh, usaha keras tetap diteruskan. Siang dan malam masih tekun dengan latihan pembentangan sehingga tibanya detik penentuan walaupun langit sedang walang.

Kali ini, Langit sekali lagi cuba memberikan nafas baharu kepada pembentangan teknikal yang kebiasaannya kering dan kadang kala lesu. Sesuai pembentangan, keterujaan bukan kepalang, apabila mendengar pujian di belakang pentas dari pihak lawan, Langit mepersembahkan sajak, isi dan gaya bertemaga bertemakan penerbangan. Lengkap berbaju juruterbang dan pramugara, Langit membawa para juri dan penonton dengan persembahan di dalam pesawat. Selesai.

Setelah itu, di tahun 2020, walaupun di saat ujian pandemik Covid-19 yang melanda, misi utama untuk ke pertandingan peringkat kebangsaan tetap menjadi sasaran. Akhirnya batu tanda yang dirancang, telah dapat digapai setelah *Skyrider* berjaya lolos diperingkat saringan wilayah tengah. Walaupun dengan norma baharu, segalanya dilakukan secara maya termasuk pembentangan pertandingan. Namun kali ini, lain cabarannya masa yang lebih singkat menjadi cabaran utama. Ayuh Langit cetuskan kreativiti, atasi rintangan, buktikan kesungguhan dan teruskan kegemilangan.

## LANGIT DIPENTAS JAYA

Debaran makin kencang tatkala seloroh adiratra pengerusi majlis di Dewan Tunku Canselor UM tahun 2018 mengumumkan pemenang bukanlah orang bumi tetapi turun dari langit. Berbunga dihati selebatnya bila mana nama Langit Putra di sebut pemenang persembahan terbaik teknikal sebelum di jemput sekali lagi sebagai pemenang di tempat ke-